



28 Februari 2013  
28 February 2013  
P.U. (A) 67

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH (PINDAAN) 2013

*RULES OF COURT (AMENDMENT) 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964  
AKTA KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH 1955

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] dan seksyen 4 Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 [*Akta 55*], dan dengan persetujuan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Jawatankuasa Kaedah-Kaedah dan Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Mahkamah (Pindaan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2013.

**Penggantian Lampiran B1**

2. Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan Lampiran B1 dengan lampiran yang berikut:

**“ LAMPIRAN B1**

FI MAHKAMAH TINGGI

| No.                                      | Butiran   | Fi      |     | Dokumen yang setem<br>kena dilekatkan dan<br>catatan |
|--|---|---------|-----|--|
|  |   | ringgit | sen |  |
| AM<br>PERMULAAN SUATU KAUSA ATAU PERKARA |   |         |     |  |
| 1.                                       | Apabila memeteraikan writ untuk memulakan tindakan atau memfailkan tuntutan balas | 400     | 00  | <i>Praecipe</i>                                      |
| 2.                                       | Apabila memeteraikan saman pemula   | 160     | 00  | <i>Praecipe</i>                                      |

|                                |  |     |    |                 |
|--------------------------------|--|-----|----|-----------------|
| 3.                             | Apabila memeteraikan writ bersama atau yang diperbaharui atau saman pemula bersama atau diperbaharui                                   | 20  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 4.                             | Apabila memeteraikan writ terpinda atau saman pemula terpinda  | 20  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 5.                             | Bagi apa-apa bentuk permulaan lain sesuatu kausa atau perkara atau memfailkan tuntutan balas yang tiada fi diperuntukkan secara khusus | 160 | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 6.                             | Apabila memeterai apa-apa pindaan cara permulaan sesuatu kausa atau perkara  | 20  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 7.                             | Apabila menandakan pembaharuan apa-apa writ atau saman pemula atau cara permulaan lain sesuatu kausa atau perkara                      | 20  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| KEHADIRAN                      |  |     |    |                 |
| 8.                             | Apabila memasukkan kehadiran bagi setiap orang   | 20  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 9.                             | Apabila memfailkan perakuan ketidakhadiran bagi setiap orang   | 40  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 10.                            | Apabila memindanya   | 20  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| DALAM PERMOHONAN INTERLOKUTORI |  |     |    |                 |
| 11.                            | Apabila memeteraikan notis permohonan  | 40  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 12.                            | Apabila memeteraikan notis atau perakuan lain  | 20  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 13.                            | Apabila memfailkan suatu notis di bawah Aturan 16 kaedah 1, 8 atau 9   | 300 | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 14.                            | Apabila menyatakan suatu permintaan untuk menyampaikan proses atau notisnya ke luar bidang kuasa                                       | 80  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 15.                            | Apabila memeteraikan tauliah atau surat permintaan untuk memeriksa saksi di seberang laut  | 80  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 16.                            | Bagi tiap-tiap janji temu untuk memeriksa saksi oleh seorang pegawai Mahkamah  | 40  | 00 | <i>Praeipie</i> |
| 17.                            | Bagi tiap-tiap saksi yang diangkat sumpah dan diperiksa oleh seorang pegawai Mahkamah, bagi setiap jam atau sebahagian daripada sejam  | 80  | 00 | <i>Praeipie</i> |

| MEMASUKKAN ATAU MENETAPKAN PERBICARAAN ATAU PENDENGARAN DALAM MAHKAMAH |   |     |    |                  |
|--|---|-----|----|------------------|
| 18.  | Apabila menetapkan kausa atau perkara termasuk permohonan untuk pendengaran atau penghakiman atau atas perkara undang-undang  | 200 | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 19.  | Apabila memasukkan atau menetapkan apa-apa kausa atau perkara untuk pertimbangan selanjutnya  | 120 | 00 | <i>Praecepte</i> |
| SEPINA   |   |     |    |                  |
| 20.  | Apabila memeterai sepina untuk memberikan keterangan dan/atau sepina untuk mengemukakan dokumen, bagi setiap saksi  | 8   | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 21.  | Apabila memeterai <i>instanter subpoena</i> untuk memberikan keterangan dan/atau sepina untuk mengemukakan dokumen, bagi setiap saksi<br><br>Catatan: Suatu <i>instanter subpoena</i> ialah sepina yang dikeluarkan kurang daripada 3 hari sebelum perbicaraan sesuatu tindakan | 24  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| WRIT   |   |     |    |                  |
| 22.  | Apabila memeteraikan tiap-tiap writ pelaksanaan, distress   | 160 | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 23.  | Apabila memeterai saman pemula untuk mengeluarkan suatu writ distress   | 400 | 00 | <i>Praecepte</i> |
| PENGHAKIMAN DAN PERINTAH   |   |     |    |                  |
| 24.  | Apabila memasukkan atau memeteraikan apa-apa perintah, penghakiman atau perakuan yang dibuat dalam Kamar  | 80  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 25.  | Apabila memasukkan atau memeteraikan penghakiman atau perintah yang diberikan, diarahkan atau dibuat dalam perbicaraan, pendengaran atau pertimbangan selanjutnya sesuatu kausa atau perkara dalam Mahkamah   | 300 | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 26.  | Apabila memeterai setiap perintah pengkomitan, penangkapan atau penahanan harta   | 160 | 00 | <i>Praecepte</i> |

| PELBAGAI |   |     |    |                 |
|----------|---|-----|----|-----------------|
| 27.      | Apabila ditangguhkan dari Kamar ke dalam Mahkamah— suatu saman pemula   | 160 | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 28.      | Apabila membuat suatu akaun mengenai wang yang diterima oleh penerima, jawatankuasa atau penjaga, konsaini, baili, pengurus, pegawai sementara atau likuidator sukarela, atau seseorang wasi, pentadbir atau pemegang amanah, ejen, peguam, pemegang gadai janji, penyewa bersama, pekongsi bersama, pemiutang pelaksana, atau orang lain yang bertanggung membuat penjelasan apabila amaun yang didapati telah diterima tanpa memotong apa-apa bayaran tidaklah boleh melebihi RM1,000   | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 29.      | Jika amaun itu melebihi RM1,000 untuk tiap-tiap RM500 atau pecahan daripada RM500<br><br>Catatan: Dalam hal mana-mana penerima, jawatankuasa, penjaga, konsaini, baili, pengurus, likuidator, atau pemiutang pelaksana, finya hendaklah dengan pembayaran yang dibenarkan dalam akaun, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, dan dalam hal mengambil akaun mana-mana pihak perakaunan lain fi hendaklah dibayar oleh pihak yang mempunyai perjalanan perintah itu yang di bawah akaun itu diambil sebagai sebahagian daripada kosnya dalam kausa atau perkara itu, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya dan dalam hal itu hendaklah diambil apabila perakuan keputusan mana-mana akaun, tetapi fi hendaklah dibayar dan kena dibayar walau pun tiada perakuan dikehendaki ke atas akaun yang diambil atau bahagian daripadanya sebagaimana yang boleh diambil, dan peguam atau pihak yang membawa guaman sendiri hendaklah dalam mana-mana hal menyebabkan cap yang sesuai, amaunnya ditetapkan oleh Pendaftar, untuk diterakan ke atas akaun | 4   | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 30.      | Apabila menandatangani, menyelesaikan atau meluluskan iklan   | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 31.      | Apabila menyelesaikan jadual penyerah simpanan bagi pembayaran ke dalam Mahkamah pembelian atau wang lain   | 20  | 00 | <i>Praeipce</i> |

|        |  |            |   |                 |
|--------|--|------------|---|-----------------|
| 32.    | Apabila menyelesaikan—<br><br>(a) suatu surat ikatan atau surat cara lain atau<br><br>(b) butir-butir dan syarat-syarat penjualan, sama ada bersekali atau berasingan  | 80         | 00  | <i>Praecipe</i> |
| 33.    | Apabila menetapkan rizab ke atas penjualan di luar Mahkamah  | 80         | 00  | <i>Praecipe</i> |
| 34.    | Bagi tiap-tiap rujukan kepada pegawai Mahkamah   | 120        | 00  | <i>Praecipe</i> |
| 35.    | Apabila memeteraikan notis rayuan daripada Pendaftar kepada Hakim dalam Kamar  | 40         | 00  | <i>Praecipe</i> |
| 36.    | Permintaan untuk saman penghutang penghakiman  | 16         | 00  | <i>Praecipe</i> |
| 37.    | Apabila memeterai saman penghutang penghakiman   | 40         | 00  | <i>Praecipe</i> |
| 38.    | Apabila memeteraikan waran komital   | 40         | 00  | <i>Praecipe</i> |
| PROBET |  |            |   |                 |
| 39.    | Apabila memfailkan saman pemula untuk mendapatkan Probet atau Surat Kuasa Mentadbir, atau untuk memeteraikannya semula, termasuk fi untuk mengambil dan memfailkan affidavit, menentusahkan saman itu dan untuk menjawab dan menetapkan saman itu untuk pendengaran dalam Mahkamah | 160        | 00  | <i>Praecipe</i> |
| 40.    | Apabila mencabut Pemberian Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau untuk memeteraikannya semula   | 400        | 00  | <i>Praecipe</i> |
| 41.    | Apabila menulis salinan wasiat atau kodisil atau apa-apa terjemahannya atau dokumen lain untuk dilampirkan kepada geran atau untuk percontohan   | 4<br><br>2 | 00<br><br>00<br>ditambah<br>setiap<br>folio | <i>Praecipe</i> |
| 42.    | Sekiranya dalam apa-apa bahasa lain setiap folio terjemahan bahasa Inggeris  | 2          | 00  | <i>Praecipe</i> |

|           |   |     |    |                 |
|-----------|---|-----|----|-----------------|
| 43.       | Bagi tiap-tiap percontohan suatu Probet atau Surat Kuasa Mentadbir, dengan atau tanpa wasiat terlampir sebagai tambahan kepada fi untuk penulisan | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 44.       | Apabila dimasukkan tiap-tiap kaveat termasuk notis kepada Pejabat-pejabat Pendaftaran lain dan notis kepada pempetisyen                           | 20  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 45.       | Apabila menarik balik kaveat termasuk notis   | 20  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 46.       | Apabila menyelesaikan atau memeteraikan sitasi (jika estet melebihi RM1,000)  | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 47.       | Memorandum untuk memeteraikan semula  | 20  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 48.       | Apabila memeteraikan amaran kepada pengkaveat   | 20  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 49.       | Apabila memeteraikan kehadiran dalam amaran atau sitasi   | 20  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| ADMIRALTI |   |     |    |                 |
| 50.       | Apabila memfailkan—   |     |    |                 |
|           | (a) persetujuan untuk melepaskan  | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
|           | (b) suatu <i>praeipce</i> di bawah Aturan 70 kaedah 4(3), 5(1), 7(3), 12(5)(b), 13(1), 22(1)  | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
|           | (c) notis di bawah Aturan 70 kaedah 12(2)   | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
|           | (d) perjanjian di bawah Aturan 70 kaedah 33   | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
|           | (e) pengakuan liabiliti   | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
|           | (f) permintaan supaya pengapit hadir  | 40  | 00 | <i>Praeipce</i> |
|           | (g) apa-apa dokumen lain  | 20  | 00 | <i>Praeipce</i> |
| 51.       | (a) Apabila memasukkan rujukan untuk pendengaran oleh Pendaftar   | 240 | 00 | <i>Praeipce</i> |
|           | (b) Apa-apa bayaran lanjut untuk mana-mana pengapit sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Pendaftar  | -   |    |                 |

|                                 |  |     |    |                                |
|---------------------------------|--|-----|----|--------------------------------|
| 52.                             | Bagi perakuan oleh Pendaftar tentang penghakiman atau perintah   | 40  | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 53.                             | Apabila menyerah simpan dengan Syerif suatu waran, pelepasan, dekri, perintah, Tauliah atau surat cara lain  | 160 | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 54.                             | Bagi pelantikan dan pengangkatan sumpah pentaksir termasuk menyediakan affidavit untuk pentaksir   | 120 | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 55.                             | Bagi penghantar serahan suatu kapal atau barang kepada pembeli   | 160 | 00 | Hendaklah dipotong oleh Syerif |
| 56.                             | Bagi penjualan kapal komisen 5 peratus akan dikenakan ke atas RM1,000 pertama dan 2½ peratus ke atas semua yang melebihi jumlah itu, dan jumlah itu hendaklah termasuk komisen untuk pelelong<br><br>Catatan: Jika jualan dibuat melalui kontrak persendirian, hanya setengah komisen sahaja akan kena dibayar | -   |    | Hendaklah dipotong oleh Syerif |
| 57.                             | Bagi menghadiri pelepasan kargo atau pemindahan kapal atau barang bagi setiap hari kehadiran<br><br>Catatan: Hari ertinya dari 9 pagi hingga 4 petang. Bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya sebelum 9 pagi atau selepas 4 petang  | 200 | 00 | Hendaklah dipotong oleh Syerif |
| RAYUAN DARIPADA MAHKAMAH TINGGI |  |     |    |                                |
| 58.                             | Apabila memfailkan notis rayuan atau rayuan balas ke Mahkamah Rayuan   | 600 | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 59.                             | Apa-apa permohonan interlokutori   | 80  | 00 | <i>Praeipce</i>                |

| RAYUAN DARIPADA MAHKAMAH RENDAH |   |     |    |                  |
|---------------------------------|---|-----|----|------------------|
| 60.                             | Rayuan dari Mahkamah Rendah—  |     |    |                  |
|                                 | (a) Bagi pengemukaan rekod rayuan daripada—   |     |    |                  |
|                                 | (i) Mahkamah Sesyen   | 80  | 00 | <i>Praecepte</i> |
|                                 | (ii) Mahkamah Majistret   | 40  | 00 | <i>Praecepte</i> |
|                                 | (b) Bagi memasukkan atau memeteraikan perintah  | 80  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 61.                             | Apabila memfailkan notis rayuan balas ke Mahkamah Tinggi  | 200 | 00 | <i>Praecepte</i> |
| PEMFAILAN                       |   |     |    |                  |
| 62.                             | Apabila memfailkan apa-apa dokumen di Pejabat Pendaftaran (yang tidak diperuntukkan) dalam Lampiran ini   | 16  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 63.                             | Apabila memfailkan setiap pliding   | 16  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 64.                             | Apabila meminda setiap pliding  | 16  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 65.                             | Apabila meminda atau memfailkan apa-apa dokumen terpinda lain   | 16  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 66.                             | Bagi permohonan untuk membuat carian kehadiran, untuk setiap defendan yang mengenainya carian dibuat termasuk perakuan keputusan tentang carian itu | 16  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 67.                             | Bagi apa-apa carian lain, termasuk pemeriksaan, untuk setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya yang ditumpukan                               | 12  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 68.                             | Bagi tiap-tiap perakuan atau laporan oleh Pendaftar yang tidak diperuntukkan selainnya  | 40  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 69.                             | Apabila memfailkan Perakuan Segera  | 80  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 70.                             | Apabila memfailkan apa-apa affidavit di Pejabat Pendaftaran   | 16  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 71.                             | Apabila memfailkan apa-apa notis atau perakuan di Pejabat Pendaftaran   | 16  | 00 | <i>Praecepte</i> |
| 72.                             | Apabila memfailkan persetujuan wakil litigasi bagi orang yang tidak berkeupayaan  | 16  | 00 | <i>Praecepte</i> |

|                         |   |    |                      |                 |
|-------------------------|---|----|----------------------|-----------------|
| 73.                     | Apabila memfailkan apa-apa <i>praecipe</i>  | 16 | 00                   | <i>Praecipe</i> |
| SALINAN-SALINAN DOKUMEN |   |    |                      |                 |
| 74.                     | Apabila membuat salinan (atau salinan yang diperakui) bagi setiap folio. Bagi tiap-tiap salinan kedua atau kemudiannya melalui proses penduaan bagi setiap folio<br><br>Catatan: Jika salinan diperakui bagi nota atau penghakiman Hakim itu dengan kebenarannya dibuat dan diberikan oleh setiausahanya atau jurutrengkas Mahkamah, fi di atas hendaklah dibayar kepada dan dipegang simpan oleh setiausaha atau jurutrengkas itu untuk faedahnya sendiri, (dengan syarat bahawa fi ini hendaklah kena dibayar hanya jika setiausaha atau jurutrengkas itu tidak menuntut elauun lebih masa daripada Kerajaan bagi menyediakan apa-apa salinan yang diperakui) | 4  | 00                   | <i>Praecipe</i> |
| 75.                     | Untuk memeriksa salinan bersih dan menandakannya sebagai salinan pejabat—<br><br>(a) dalam hal salinan fotografik atau zeroks bagi setiap lembaran<br><br>(b) dalam apa-apa hal lain bagi setiap folio  | 2  | 00                   | <i>Praecipe</i> |
|                         |   | 4  | 00                   | <i>Praecipe</i> |
| 76.                     | Bagi permohonan untuk dibenarkan menyalin apa-apa dokumen yang difailkan atau serah simpan dalam Mahkamah, bagi setiap dokumen  | 4  | 00                   | <i>Praecipe</i> |
| TERJEMAHAN              |   |    |                      |                 |
| 77.                     | Bagi terjemahan yang diperakui oleh Jurubahasa Mahkamah   | 8  | 00 ditambah          | <i>Praecipe</i> |
|                         |   | 4  | 00 bagi setiap folio |                 |
| 78.                     | Bagi penyemakan, pembetulan dan pemerakuan suatu terjemahan yang tidak dibuat oleh Jurubahasa Mahkamah<br><br>Catatan: Atas pengemukaan <i>praecipe</i> yang mestilah ditandatangani dan ditarikhhkan, <i>praecipe</i> itu mestilah bersetem sekurang-kurangnya pada folio pertama terjemahan itu. Folio-folio itu akan dikira berdasarkan folio terjemahan bahasa Inggeris apabila siap dan finya  | 8  | 00 ditambah          | <i>Praecipe</i> |
|                         |   | 4  | 00 bagi setiap folio |                 |

|                         |  |    |    |                  |
|-------------------------|--|----|----|------------------|
|                         | mestilah dibayar kesemuanya sebelum terjemahan dapat dihantarserahkan  |    |    |                  |
| PEJABAT AKAUNTAN NEGARA |  |    |    |                  |
| 79.                     | Bagi perakuan tentang amaun dan perihalan apa-apa wang, kumpulan wang atau sekuriti, termasuk permintaan untuknya  | 16 | 00 | Permintaan       |
| 80.                     | Bagi transkrip mengenai akaun bagi setiap pembukaan, termasuk permintaan untuknya  | 16 | 00 | Permintaan       |
| 81.                     | (a) Bagi pembayaran, penyerah simpanan pemindahan atau pendepositan kumpulan wang ke Mahkamah  | 16 | 00 | Arahan           |
|                         | (b) Bagi pembayaran daripada Mahkamah apa-apa wang yang diserahkan simpan atau didepositkan dalam Mahkamah   | 16 | 00 | Arahan           |
| 82.                     | Bagi permintaan kepada Akauntan Negara untuk mendapatkan maklumat secara bertulis berkenaan dengan apa-apa wang, kumpulan wang atau sekuriti dalam Mahkamah atau apa-apa transaksi di pejabatnya   | 16 | 00 | Arahan           |
| PENETAPAN KOS           |  |    |    |                  |
| 83.                     | Bagi menetapkan bil kos—   |    |    |                  |
|                         | (a) jika amaun yang dibenarkan tidak melebihi RM50   | 20 | 00 | <i>Praecepte</i> |
|                         | (b) jika amaun yang dibenarkan melebihi RM50 bagi tiap-tiap RM50 tambahan yang dibenarkan atau sebahagian daripadanya  | 8  | 00 | <i>Praecepte</i> |
|                         | Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh dalam apa-apa hal mengkehendaki supaya bil kos itu disetem sebelum ditetapkan dengan keseluruhan atau sebahagian daripada amaun fi yang akan kena dibayar jika bil itu dibenarkan olehnya pada amaunnya yang sepenuhnya |    |    |                  |
|                         | Catatan: Butiran ini hanya terpakai bagi tindakan atau permohonan yang telah diputuskan sebelum 1 Ogos 2012 dan perintah penetapan bil   |    |    |                  |

|                   |   |     |    |                 |
|-------------------|---|-----|----|-----------------|
|                   | kos belum dibuat  |     |    |                 |
| 84.               | <p>Bagi perakuan atau alokatur mengenai keputusan penetapan</p> <p>Catatan: Jika plaintif berhak mendapat jumlah wang secara pukal sebagai kos di bawah Lampiran 2 maka fi yang sama adalah kena dibayar seolah-olah bil kos telah ditetapkan untuk amaun sebanyak jumlah wang pukal itu, dan perakuan atau alokatur telah ditandatangani</p> | 16  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 85.               | <p>Bagi penarikan balik bil kos yang telah diserahkan untuk menetapkan fi itu (tidak melebihi amaun yang kena di bayar di bawah fi No. 83 jika bil itu telah dibenarkan sepenuhnya) sebagaimana yang ternyata kepada Pendaftar adalah adil dan munasabah</p>  |     |    |                 |
| SYARIKAT-SYARIKAT |   |     |    |                 |
| 86.               | <p>Bagi pengemukakan petisyen atau saman pemula di bawah Akta Syarikat 1965 selain permohonan untuk penggulangan syarikat</p>   | 300 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 87.               | <p>Bagi perakuan tentang hutang di bawah seksyen 7 atau 59</p>  | 400 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| TAULIAH           |   |     |    |                 |
| 88.               | <p>Apabila memeteraikan atau mengeluarkan Tauliah untuk mengangkat sumpah atau affidavit atau pengakuteraan dalam Mahkamah Tinggi</p>   | 400 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 89.               | <p>Bagi permohonan untuk mengemukakan rekod atau dokumen yang hendak diberikan sebagai keterangan—</p> <p>(a) jika rekod atau dokumen ditinggalkan di Mahkamah</p>  | 16  | 00 | <i>Praecipe</i> |
|                   | <p>(b) jika seorang pegawai dikehendaki mengemukakan rekod atau dokumen dalam Mahkamah</p>  | 120 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 90.               | <p>Bagi kehadiran seorang pegawai Mahkamah sebagai saksi bagi tiap-tiap setengah hari atau sebahagian daripadanya yang dia tiada dalam pejabatnya kerana keperluan</p>  | 120 | 00 | <i>Praecipe</i> |

|     |   |    |    |                 |
|-----|---|----|----|-----------------|
| 91. | <p>Bagi mengambil atau mengambil semula afidavit atau akuan sebagai ganti afidavit, atau akuan atau pengakuterimaan bagi setiap orang yang membuatnya</p> <p>Dan sebagai tambahan bagi setiap ekshibit yang disebutkan dalamnya dan dikehendaki ditandakan</p>  | 8  | 00 | <i>Praecipe</i> |
|     |   | 6  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 92. | Bagi setiap dokumen yang disebut dalam deposisi dan dikehendaki ditandakan  | 6  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 93. | <p>(a) Apabila meluluskan—</p> <p>(i) gerenti</p> <p>(ii) aku janji sebagai ganti gerenti</p> <p>(b) (i) apabila mengosongkan gerenti</p> <p>(ii) apabila melepaskan aku janji sebagai ganti gerenti</p> <p>Dengan syarat bahawa apabila pengosongan atau pelepasan itu adalah tak bersyarat, maka Fi No. 93(b) hendaklah diterakan selepas perintah itu dibuat tetapi sebelum ia disempurnakan</p> | 40 | 00 | <i>Praecipe</i> |
|     |   | 10 | 00 | <i>Praecipe</i> |
|     |   | 40 | 00 | <i>Praecipe</i> |
|     |   | 20 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 94. | Apabila mengambil ikatan atau bon, sama ada seorang atau lebih daripada seorang pengikat atau penerima obligasi, dan sama ada dimasukkan oleh semua pada satu masa atau tidak   | 80 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 95. | Bagi penyerahhakan bon  | 40 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 96. | Bagi mengosongkan ikatan  | 32 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 97. | Bagi pendaftaran semulanya  | 16 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 98. | <p>Bagi pemeteraian atau pengeluaran apa-apa dokumen, yang bukannya suatu penghakiman atau perintah, jika tiada fi lain ditetapkan dalam Lampiran ini:</p> <p>Dengan syarat bahawa fi ini tidaklah kena dibayar atas writ <i>habeas corpus</i></p>  | 20 | 00 | <i>Praecipe</i> |

| PEJABAT SYERIF |  |    |    |                                |
|----------------|--|----|----|--------------------------------|
| 99.            | Bagi setiap percubaan untuk menyampaikan kepada setiap orang akan apa-apa proses atau prosiding yang dikehendaki disampaikan oleh Mahkamah atau Syerif   | 8  | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 100.           | Dan jika lebih dari 2 kilometer dari Mahkamah Tinggi, bagi tiap-tiap kilometer tambahan  | 4  | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 101.           | Bagi melaksanakan tiap-tiap writ pelaksanaan, distres, perintah pengkomitan, penangkapan atau penahanan harta  | 40 | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 102.           | Bagi menandakan tiap-tiap writ pelaksanaan untuk diperbaharui  | 20 | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 103.           | Bagi melepaskan harta yang disita atas arahan pihak yang mengeluarkan writ pelaksanaan atau distres, perintah penahanan, penangkapan atau penahanan harta  | 32 | 00 | <i>Praeipce</i>                |
| 104.           | <p>Komisen yang berikut adalah dikenakan ke atas amaun kasar yang didapati daripada apa-apa penjualan harta yang ditahan sebagai pelaksanaan atau selainnya di bawah arahan Mahkamah:</p> <p>(a) bagi RM1,000 yang pertama yang didapati 5%</p> <p>(b) bagi amaun yang berikutnya.... 2½%</p> <p>Catatan: Jika jualan itu dibuat dengan cara kontrak persendirian, hanya setengah daripada komisen itu akan kena bayar</p> |    |    |                                |
| 105.           | Komisen sebanyak 4 peratus akan dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Syerif di bawah saman orang digarnis   |    |    | Hendaklah dipotong oleh Syerif |
| 106.           | Komisen sebanyak 4 peratus akan dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Syerif di bawah Perintah bagi penahanan sebelum penghakiman mengenai wang kepunyaan penghutang yang ada dalam tangan pihak ketiga  |    |    | Hendaklah dipotong oleh Syerif |
| 107.           | Komisen sebanyak 2 peratus akan dikenakan ke atas semua wang yang diterima oleh Syerif sebagai penunaian writ penyitaan dan penjualan atau distres jika pelaksanaan ditarik balik,   |    |    | Hendaklah dipotong oleh Syerif |

|      |   |             |   |
|------|---|-------------|---|
|      | ditunaikan atau diberhentikan   |             |   |
| 108. | Komisen sebanyak 2 peratus akan dikenakan ke atas anggaran nilai harta yang disita atau amaun yang dinyatakan dalam writ itu mengikut mana yang kurang jika pelaksanaan ditarik balik, dijelaskan atau diberhentikan  |             | Hendaklah dibayar secara tunai kepada Syerif oleh Pemiutang Pelaksana                             |
| 109. | Bagi setiap orang yang ada dalam milikannya yang perlu diambil kerja untuk menjaga apa-apa harta di bawah penyitaan   | Kos Sebenar | Dibayar secara tunai kepada Syerif atau pembayaran terus dengan baucer yang diperakui oleh Syerif |
| 110. | Bagi pengalihan barang atau binatang ke suatu tempat untuk simpanan selamat, apabila perlu  | Kos Sebenar | Dibayar secara tunai kepada Syerif  |
| 111. | Jika barang atau binatang dipindahkan untuk dimasukkan ke dalam gudang dan penjagaannya, termasuk memberi makan kepada binatang itu, 6 peratus atas nilai barang atau binatang yang dipindahkan itu atau jumlah wang yang diendorskan pada writ pelaksanaan, mengikut mana yang kurang. Tiada fi kerana menjaga milikan barang atau binatang boleh dikenakan selepas barang atau binatang itu telah dipindahkan   | 6%          | Dibayar secara tunai kepada Syerif  |
| 112. | <p>Bagi pengiklanan dan memberi publisiti tentang penjualan melalui lelongan</p> <p>Catatan:</p> <p>(a) Dalam tiap-tiap kes yang pelaksanaan ditarik balik, ditunaikan atau diberhentikan, finya hendaklah dibayar oleh orang yang atas permintaannya penjualan itu diberhentikan, dan amaun apa-apa kos atau caj yang kena dibayar di bawah Lampiran ini hendaklah ditetapkan oleh Hakim, dalam hal Syerif dan pihak yang bertanggung membayar kos dan caj itu berbeza dari segi amaunnya</p> <p>(b) Caj yang dinyatakan di bawah butiran 108, 109, 110 dan 111 hendaklah dikutip secara tunai dan didepositkan di Mahkamah dan amaun yang ditanggung dengan sebenarnya bagi perkhidmatan yang dinyatakan dalam butiran tersebut hendaklah dibayar</p> | Kos Sebenar | Dibayar secara tunai kepada Syerif  |

|          |  |     |    |                    |
|----------|--|-----|----|--------------------|
|          | daripada deposit yang berkenaan oleh Syerif kepada orang yang digaji untuk memberikan perkhidmatan berkenaan, apa-apa baki hendaklah dibayar kepada orang yang membuat deposit itu |     |    |                    |
| 113.     | Bagi pengembalian apa-apa writ atau proses dan pemfailannya, tidak termasuk fi yang dibayar semasa pemfailan   | 16  | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| KELUARGA |  |     |    |                    |
| 114.     | Apabila memfailkan penyata mengenai persetujuan bagi anak-anak   | 16  | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| 115.     | Apabila memeteraikan Notis Prosiding   | 20  | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| 116.     | Apabila memfailkan akuterima penyampaian   | 16  | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| 117.     | Apabila memfailkan apa-apa notis di Pejabat Pendaftaran  | 20  | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| 118.     | Apabila memfailkan dan memeteraikan apa-apa perakuan   | 40  | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| 119.     | Apabila memfailkan permintaan bagi mengeluarkan Saman Penghakiman  | 16  | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| 120.     | Apabila memfailkan Saman Penghakiman   | 40  | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| 121.     | Apabila memfailkan dan memeterai permintaan untuk arahan bagi perbicaraan  | 200 | 00 | <i>Praecipe</i>    |
| 122.     | Apabila memfailkan dan memeteraikan apa-apa dekri atau perintah  | 300 | 00 | <i>Praecipe</i> ". |

**Penggantian Lampiran B2**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Lampiran B2 dengan lampiran yang berikut:

**“ LAMPIRAN B2****FI MAHKAMAH RENDAH**

| No.                                     | Butiran  | Fi      |     | Dokumen yang setem kena dilekatkan dan catatan |
|---|--|---------|-----|--|
|   |  | Ringgit | Sen |  |
| AM<br>PERMULAAN SATU KAUSA ATAU PERKARA |  |         |     |  |
| 1.                                      | Apabila memeteraikan writ atau saman pemula untuk memulakan tindakan atau pemfailan suatu tuntutan balas—  |         |     |  |
|   | (a) jika tuntutan adalah bagi suatu jumlah wang yang ditentukan di bawah Aturan 93   | 20      | 00  | <i>Praecipe</i>                                |
|   | (b) jika prosiding di dalam Mahkamah Majistret   | 100     | 00  | <i>Praecipe</i>                                |
|   | (c) jika prosiding di dalam Mahkamah Sesyen  | 200     | 00  | <i>Praecipe</i>                                |
| 2.                                      | Apabila memeteraikan writ bersama atau writ yang diperbaharui atau saman pemula bersama atau saman pemula yang diperbaharui                            | 12      | 00  | <i>Praecipe</i>                                |
| 3.                                      | Apabila memeteraikan writ terpinda atau saman pemula terpinda  | 12      | 00  | <i>Praecipe</i>                                |
| 4.                                      | Apabila memeteraikan apa-apa bentuk permulaan sesuatu kausa atau perkara lain atau memfailkan tuntutan balas jika tiada fi diperuntukkan secara khusus | 80      | 00  | <i>Praecipe</i>                                |
| 5.                                      | Apabila menandakan pembaharuan apa-apa writ atau saman pemula  | 12      | 00  | <i>Praecipe</i>                                |

| KEHADIRAN                      |   |     |    |                 |
|--------------------------------|---|-----|----|-----------------|
| 6.                             | Apabila memasukkan kehadiran bagi setiap orang  | 8   | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 7.                             | Apabila memfailkan perakuan ketidakhadiran bagi setiap orang  | 20  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| DALAM PERMOHONAN INTERLOKUTORI |   |     |    |                 |
| 8.                             | Apabila memeteraikan apa-apa notis permohonan   | 20  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 9.                             | Apabila memeteraikan apa-apa notis atau perakuan  | 20  | 00 | <i>praecipe</i> |
| 10.                            | Apabila memfailkan notis pihak ketiga di bawah Aturan 16 kaedah 1, 8 atau 9—  |     |    |                 |
|                                | (a) jika tuntutan adalah bagi suatu jumlah wang yang ditentukan di bawah Aturan 93  | 20  | 00 | <i>Praecipe</i> |
|                                | (b) jika prosiding di Mahkamah Majistret  | 80  | 00 | <i>Praecipe</i> |
|                                | (c) jika prosiding di Mahkamah Sesyen   | 200 | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 11.                            | Apabila menyatakan suatu permintaan untuk menyampaikan proses atau notisnya ke luar bidang kuasa                                      | 40  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 12.                            | Bagi tiap-tiap janji temu untuk memeriksa seseorang saksi oleh seorang pegawai Mahkamah   | 20  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 13.                            | Bagi tiap-tiap saksi yang diangkat sumpah dan diperiksa oleh seorang pegawai Mahkamah, bagi setiap jam atau sebahagian daripada sejam | 40  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| SEPINA                         |   |     |    |                 |
| 14.                            | Apabila memeterai sepina untuk memberikan keterangan dan/atau sepina untuk mengemukakan dokumen, bagi setiap saksi                    | 8   | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 15.                            | Apabila memeterai <i>instanter subpoena</i> untuk memberikan keterangan dan/atau sepina untuk mengemukakan dokumen, bagi setiap saksi | 24  | 00 | <i>Praecipe</i> |
|                                | Catatan: Suatu <i>instanter subpoena</i> ialah sepina yang dikeluarkan kurang daripada 3 hari sebelum perbicaraan sesuatu tindakan    |     |    |                 |
| WRIT                           |   |     |    |                 |
| 16.                            | Apabila memeteraikan tiap-tiap writ pelaksanaan, distres, perintah pengkomitan, sekatan atau penahanan harta—                         |     |    |                 |

|                          |  |     |    |                 |
|--------------------------|--|-----|----|-----------------|
|                          | (a) jika tuntutan adalah bagi suatu jumlah wang yang ditentukan di bawah Aturan 93   | 10  | 00 | <i>Praecipe</i> |
|                          | (b) jika prosiding di dalam Mahkamah Majistret   | 40  | 00 | <i>Praecipe</i> |
|                          | (c) jika prosiding di dalam Mahkamah Sesyen  | 80  | 00 | <i>Praecipe</i> |
| 17.                      | Apabila memeterai saman pemula bagi suatu permohonan untuk mengeluarkan suatu writ distres—  |     |    |                 |
|                          | (a) jika prosiding di dalam Mahkamah Majistret   | 100 | 00 | <i>Praecipe</i> |
|                          | (b) jika prosiding di dalam Mahkamah Sesyen  | 200 | 00 | <i>Praecipe</i> |
